

# 5,000 akan tunjuk handal dalam seni pertahanan diri

3 MAR 1988

LEBIH 5,000 orang peserta yang mewakili 13 pertubuhan seni mempertahankan diri tempatan akan menunjukkan kehandalan mereka secara beramai-ramai di Stadium Toa Payoh pada 27 Mac ini.

Dalam Pertunjukan Perpaduan Seni Pertahanan Diri dan Qigong Nasional yang kali pertama dianjurkan oleh Persatuan Rakyat (PA) itu orang ramai akan disajikan dengan pertunjukan seperti pencak silat, judo, karate, taekwondo, waidangong, qigong Shi-Ba-Shi, kalari payat, singa-uan dan kumpulan-kumpulan tarian singa dan naga.

Pengarah (Belia) PA, Encik Tan Kin Hian, berkata bahawa kepopularan seni pertahanan diri dan qigong yang semakin meluas hari ini telah mendorong PA menganjurkan pertunjukan seumpama itu.

"Selain daripada memajukan seni pertahanan diri dan qigong sebagai satu kegiatan yang sihat bagi masyarakat Singapura, pertunjukan itu juga akan memaparkan semangat kerjasama dan harmoni di antara pertubuhan-pertubuhan seni pertahanan diri dan qigong," kata beliau.

Tahun lalu, lebih 29,000 orang mengikuti latihan seni pertahanan diri dan 24,000 orang lagi menyertai qigong di balai-balai rakyat.

Setiap kumpulan yang mengambil bahagian pada malam tersebut akan mengambil masa selama empat hingga lapan minit untuk menunjukkan teknik jurusan mempertahankan diri masing-masing dengan pelbagai cara dan gaya.

Dalam persembahan dua jam mulai 5 petang itu, semua kumpulan yang mengambil bahagian

akan juga mempersembahkan seni pertahanan diri yang beridentiti Singapura yang dikenali sebagai Singa-uan (sebutannya Singa Chuan), secara beramai-ramai.

Singa-uan adalah gabungan lapan buah pergerakan seni mempertahankan diri yang dipraktikkan oleh kumpulan-kumpulan berbilang kaum di sini.

Ia dicipta hasil daripada kerjasama lapan orang jurulatih seni mempertahankan diri, masing-masing berkemahiran dalam seni yang berdaftar dengan Persatuan Jurulatih Seni Pertahanan Diri Singapura (SMAIA).

Menteri Perdagangan dan Perusahaan merangkap Menteri Kedua Pertahanan (Perkhidmatan), Brigedier Jeneral (Kerahan) Lee Hsien Loong, merupakan tetamu terhormat pertunjukan tersebut.

Pertunjukan itu terbuka kepada ramai.

## SILAT/ Skim Hadiah Kerajaan

3 MAR 1988

# MSN tidak dapat buat pertimbangan

MAJLIS Sukan Negara tidak dapat menimbangankan pemberian Skim Hadiah Kerajaan kepada pesilat-pesilat kebangsaan yang berjaya di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, Disember lalu kerana belum menerima laporan mengenainya daripada Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), lapor RAHIME MOHD YUSOF.

Walaupun Pesaka mendakwa sudah mengemukakan laporan pada awal Januari lalu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pihaknya tidak dapat memberi keputusan kerana laporan mengenai ainya masih belum diterima.

Katanya, MSN sedia mengkaji laporan semua badan sukan yang berjaya mengharum nama negara untuk menerima Skim Hadiah Kerajaan itu.

Beliau yang juga Pengerusi MSN itu berkata, tindakan sudah tentu diambil jika Pesaka menghantar laporan.

"Setakat ini, belum ada laporan mengenai kejayaan pesilat kebangsaan dalam Kejuaraan Silat Sedunia itu, diterima untuk dipertimbangkan," ujarnya.

Dalam kejuaraan itu, Malaysia memenangi tiga pingat emas, empat perak dan 12 gangsa, tidak termasuk pingat emas yang dimenangi oleh Mazlan Shaari bagi acara Terbuka Bebas Kelas D.

Pemenang pingat emas ialah Wan Aminuddin Baki Abu Bakar (Pesilat Terbaik Dunia), Ahmad Wardi Salim dan Ahmad Fauzi Othman. Jika MSN mengiktif kejohanan itu bertaraf dunia, mereka layak menerima \$80,000.

Datuk Seri Najib berkata: "Jika MSN menerima laporan, kami akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara ini dan menentukan skim yang patut diterima oleh pesilat-pesilat itu."

Beliau berkata, Pesaka perlu menghantar laporan lengkap kepada MSN untuk dipertimbangkan.